
Title	Kaedah mengajar: Tatabahasa
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1982 Muhammad Ariff bin Ahmad

12 April 1982

HAJI MUHAMMAD ARIFF B AHMAD

kertasaran
disampaikan kepada
SEMINAR PENGAJARAN BAHASA MELAYU
anjuran: Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura
di INSTITUT PENDIDIKAN SINGAPURA
Sabtu: 24 April 1982 jam 12.00

Topik: KAEDAH MENGAJAR: TATABAHASA

1. MUKADIMAH

Saya telah diminta oleh Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura supaya mengemukakan kertas kerja berhubung dengan “Kaedah mengajar tatabahasa” dalam seminar ini.

Ketika menerima surat permintaan itu, pada tanggapan saya: frasa “Kaedah mengajar tatabahasa” itu sendiri pun tidak gramatis, kerana saya beranggapan bahawa tatabahasa itu tidak dapat diajar; ia tidak boleh menerima pelajaran. Ia (tatabahasa) harus diajarkan kepada pelajar. Frasa itu akan menjadi lebih sempurna jika ditulis sama ada *Kaedah mengajarkan tatabahasa* atau *Kaedah Mengajar: Tata-bahasa* kerana tugas kekata “tatabahasa” dalam frasa itu ialah sebagai penyambut sipi¹ (indirect object) bukannya sebagai penyambut tepat² (direct object).

Satu lagi ayat yang tidak gramatis dalam surat permintaan itu ialah: **potong yang mana tidak sesuai*. Jika kataganti “mana” itu ditukar dengan katabenda hal atau perkara, ayat itu akan menjadi:

*potong yang hal tidak sesuai;

*potong yang perkara tidak sesuai.

Kedua-dua ayat itu tidak gramatis kerana tidak menurut hukum ‘konstituan terdekat’ yang disistemkan menurut sintaksis Bahasa Melayu. Ayat itu, seharusnya, ditulis sebagai: **potong mana yang tidak sesuai*; supaya jika katagandi “mana” ditukarkan dengan katabenda “hal” atau “perkara”, ayat itu akan menjadi:

*potong hal yang tidak sesuai; atau

*potong perkara yang tidak sesuai

1 and 2: menurut istilah Za’ba

Bagaimanapun, oleh kerana saya diminta mengemukakan kertas kerja yang berhubung dengan “Kaedah mengajarkan tatabahasa”, rasanya, tidaklah perlu saya sentuh di sini tentang:

apakah yang dimaksudkan dengan “tatabahasa”?

apakah fungsi/tugas “tatabahasa”?

apakah perbezaan ayat yang gramatis dengan yang tidak?

atau sebagainya. Saya anggap sekalian peserta sudah tahu hal itu, semuanya. Saya akan menumpukan pendapat saya hanya untuk memperkatakan cara (kaedah) mengajarkan tatabahasa itu sahaja.

2. KAEDAH MENGAJAR (PENGAJARAN)

Pengajaran melibatkan tiga unsur iaitu “pengajar”, “pelajaran” dan “pelajar”. Dalam hal pengajaran tatabahasa ini:

pengajar *ialah: guru bahasa*

pelajaran *ialah: tatabahasa*

pelajar **tidak disebutkan (dalam permintaan)*

**boleh jadi: murid-murid sekolah rendah; pelajar sekolah menengah/maktab; mahasiswa universiti; pelajar kelas dewasa atau lain-lain.*

Tiap-tiap golongan pelajar itu pasti mempunyai matalamat yang hendak dicapai di akhir pembelajarannya, barangkali:

@ mahu lulus peperiksaan PSLE atau GCE (O) atau GCE(A)

@ mahu jadi guru bahasa; sasterawan; linguis


@ mahu jadi penutur bahasa yang ideal

@ mahu menguasai bahasa itu sahaja; atau lain-lain matalamat yang tersendiri.

Bagaimanapun, oleh kerana penganjur seminar ini ialah Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, dan kebanyakan pesertanya adalah anggota-anggota KGMS yang terdiri dari guru-guru (pengajar-pengajar) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua (istilah Singapura)³ di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Singapura, maka kertas kerja ini adalah dimaksudkan untuk memberikan pandangan yang sesuai tentang kaedah mengajarkan tatabahasa Melayu kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah itu.

³ Lihat kertas kerja 2, *Seminar Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua (4 - 6 Jun 1974)* anjuran Unit Bahasa & Kesusasteraan Melayu, Kementerian Pelajaran Singapura.

Yang demikian, maka situasi pengajaran yang hendak kita bincangkan di sini ialah:-



Matalamat pengajaran di sekolah rendah⁴ ialah untuk membolehkan murid-murid itu memperolehi empat kemahiran asas (mendengar, ber-cakap, membaca dan menulis) dalam bahasa Melayu yang baik; manakala matalamat peperiksaan GCE O⁵ pula ialah untuk menguji kebolehan calon-calon dalam perkara mengarang dengan bahasa Melayu mengikut jalan bahasa (tatabahasa) yang betul.

Untuk mencapai matalamat peperiksaan itu, Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan suatu garispandu⁶ (lebih sepuluh tahun dahulu) untuk kegunaan guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua.

Buku-buku Sukatan Pelajaran yang mengandungi bahan dan mata-lamat pengajaran tatabahasa Melayu di peringkat rendah untuk “Kursus Bersama” (P1 - P3), “Kursus Biasa” (P4 - P6), “Kursus Lanjutan” (P4 – P8) dan “Kursus Ekabahasa” (P4 – P8) telah diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun 1981.

Untuk menguji kebolehan calon-calon peperiksaan GCE O dalam hal tatabahasa lihatlah soalan-soalan No, 2, 3 (a), 4 (a), 4 (b) di kertas 2 bagi Bahasa Melayu 1⁷ dan soalan-soalan No 3 hingga 7 di kertas 2 bagi Bahasa Melayu 2⁸.

⁴ Lihat Buku Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk “Kursus Biasa” (P4 - P6), Kementerian Pelajaran 1981.

⁵ lihat Risalah Panduan kepada calon-calon Peperiksaan GCE O.

⁶ lihat Lampiran 3 kertas kerja ini.

⁷ lihat Lampiran 1 kertas kerja ini.

⁸ Lihat Lampiran 2 kertas kerja ini.

Rumusan Bengkel Kertas Kerja 5⁹ Seminar Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua, anjuran Unit Bahasa dan Kesusasteraan Kementerian Pelajaran pada 4 – 6 Jun 1974¹⁰ menunjukkan bahasa peserta-peserta bengkel itu telah bersetuju mengajarkan tatabahasa bagi peringkat sekolah itu dilakukan dengan kaedah “functional grammar” iaitu mengajarkan menerusi contoh-contoh penggunaan tatabahasa dengan cara yang betul.

Dengan functional grammar, pelajar-pelajar tidak didedahkan secara langsung dengan istilah-istilah, dengan rukun dan syarat, dan dengan hukum dan pantang larang tatabahasa. Mereka hanya ditunjukkan dengan contoh-contoh ayat atau frasa atau kekata yang terbentuk menurut tatabahasa yang betul, kemudian dilatih mereka membentuk ayat-ayat, frasa dan/atau kekata mengikut pola-pola yang dicontohkan.

Mengajar membentuk ayat-ayat, misalnya, pelajar-pelajar dicontohkan dengan:-

- (a) ayat tunggal bersahaja: 1. Ahmad guru.
2. Ini buku.
3. Dia kerani.
- (b) ayat tunggal berpeluas: 1. Ahmad guru *bahasa Melayu*.
2. Ini buku *panduan mengajar*.
3. Dia kerani *Kesatuan kita*.

(c) ayat majmuk:

- | | |
|---------------------------------------------------|----------------------------------------|
| 1. Timah pergi ke pasar.
Minam pergi ke pasar. | <i>Timah dan Minah</i> pergi ke pasar. |
| 2. Mereka membeli sayur.
Mereka membeli ikan. | Mereka membeli <i>sayur dan ikan</i> . |

Demikian pula dengan pembentukan lain-lain unit bahasa (frasa; kekata) diajarkan dengan menggunakan contoh-contoh. Berdasarkan pola-pola, latihan-latihan boleh dibuat dengan menggunakan Jadual Pergantian, menyudahkan ayat-ayat dengan kekata-kekata atau frasa-frasa yang sesuai dan sebagainya.

Untuk mencapai matalamat pengajaran di peringkat ini cara mengajarkan tatabahasa dengan menghuraikan formula-formula, membincangkan penganalisan bahasa atau menerangkan kuasa-kuasa sesuatu hukum tatabahasa belumlah diperlukan.

⁹ Kertas Kerja “Pengajaran Tatabahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua itu telah ditulis oleh Encik Abdullah H A Hadi, bekas pensyarah metodologi di Maktab Perguruan Singapura.

¹⁰ lihat Lampiran 4 kerja kertas ini.

Menerusi rumusan kk5 tadi, telah dicadangkan tidak kurang daripada 10 cara latihan, 4 langkah-langkah yang harus dilaksanakan, 5 kaedah membaiki penggunaan bahasa menerusi kegiatan-kegiatan lisan, dan 7 cara membiasakan penggunaan imbuhan-imbuhan menurut cara yang betul.

Saya kira: 26 (10+4+5+7) petunjuk yang dirumuskan itu sudah lebih daripada memadai untuk dijadikan panduan guru-guru mengajarkan tatabahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah dan menengah, untuk mencapai matalamat pengajarannya:

@ sekolah rendah = memperolehi kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis;

@ sekolah menengah = boleh mengarang dengan bahasa Melayu mengikut jalan bahasa yang betul.

3. PENILAIAN


Menurut kaedah terbaru bahawa “kaedah mengajar” tidaklah sempurna tanpa “penilaian”. Untuk menentukan sama ada sesuatu kaedah itu boleh diteruskan atau ditukar atau dimodifikasikan pelbagai bentuk penilaian telah disarankan, umpamanya:

penilaian mingguan/bulanan;

penilaian berterusan;

penilaian penggalan/semesteran;

atau yang sebagainya. Bagi guru-guru, ungkapan “Lingkaran Sistem Pendekatan” bukanlah sesuatu yang baru.



Dalam lingkaran pendekatan itu PENILAIAN sangatlah bermakna, kerana “penilaian” itu menentukan sikap pengajar untuk memperbaiki kaedah pengajarannya dari satu pusingan ke lain pusingan. Sikap ini adalah berpengaruh daripada kaedah mengajar itu sendiri dalam pencapaian matalamat pengajaran.

ke mukasurat 6...

Penilaian itu akan menunjukkan kelemahan atau kejayaan pengajaran guru bagi tiap pusingan. Jika dalam pusingan (A) guru memperolehi kejayaan maka dalam lingkaran pengajarannya bolehlah ia memulai pusingan baru dengan tujuan (B) pula, demikianlah seterusnya; tetapi jika ia menemui kegagalan atau kelemahan atau tidak cukup berjaya, maka modifikasi haruslah dilakukan sebelum ia memasuki pusingan (B).

Laporan dan rumusan Seminar Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua (Jun 1974) itu telah memberi gambaran yang positif dan negatif, termasuk 14 saranan telah dibuat untuk menatarkan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Singapura (khususnya di sekolah-sekolah menengah). Antara saranan itu ialah supaya seminar yang demikian itu diadakan tiap 2 atau 3 tahun sekali. Dipercayai, maksud saranan itu ialah supaya Seminar yang kedua (yang dijangka diadakan dalam tahun 1976 atau 1977) itu akan mengkaji dan menilai pelaksanaan rumusan tadi, dan jika perlu membaiki rumusan itu untuk membaiki pengajaran Bahasa Melayu seterusnya.

Malangnya, hingga semalam Seminar Kedua yang disarankan itu belum diadakan. Tetapi, mujurlah mada hari ini Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura mengadakan seminar pertamanya mengenai Pengajaran Bahasa Melayu. Rasanya: tema seminar ini tidaklah berbeza dengan tema yang dibawa oleh Seminar 1974 itu.

Oleh yang demikian, dengan harapan bahawa yang telah diusahakan itu jangan sampai hilang begitu sahaja, maka saya syorkan supaya seminar ini memeriksa dan meneliti dan menilai semula rumusan-rumusan Seminar 1974 itu, kemudian bertindak melaksanakan mana-mana yang sesuai dilaksanakan. Saya percaya tindakan ini akan memberi manfaat kepada pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah kita.

SEKIAN.

*Wa-billahit-taufiq wal-hidayah
wassalamualaikum wR Wb.*

KEMENTERIAN PELAJARAN, SINGAPURA DAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN TEMPATAN UNIVERSITI CAMBRIDGE
PEPERIKSAAN SIJIL AM PELAJARAN SINGAPURA-CAMBRIDGE
(PERINGKAT BIASA)

MINISTRY OF EDUCATION, SINGAPORE AND
UNIVERSITY OF CAMBRIDGE LOCAL EXAMINATIONS SYNDICATE
SINGAPORE-CAMBRIDGE GENERAL CERTIFICATE OF EDUCATION
(ORDINARY LEVEL) EXAMINATION

Masa: 1h jam

BAHASA MELAYU

1131/2

(Kertas II)

ARAHAN: JAWAB SOALAN 1 DAN MANA-MANA DUA YANG LAIN

Calon-calon dinasihatkan supaya membaca kesemua soalan terlebih dahulu, memilih dan menentukan mana-mana soalan yang hendak dijawab, kemudian baharulah mulai menjawab satu-persatu.

(Markah 100)

SOALAN 1

Baca dengan teliti petikan di bawah ini. Kemudian ringkaskanlah petikan itu hingga menjadi kira-kira 100 patah perkataan sahaja. Penggunaan kata-kata kamu sendiri dalam susunan maksudnya yang asli akan diberikan perhatian yang utama dalam pemarkahan.

(40 markah)

Petikan:

Sebelum apa-apa, sambil lalu, elok diperkatakan sedikit kesan-kesan kebudayaan nenek-moyang kita, orang Melayu warganegara Singapura lebih kurang 3500 tahun dahulu, kira-kira 1520 tahun sebelum Masehi. Pada masa itu mereka percaya kepada semangat kuasa ghaib yang mereka fikir mempengaruhi seluruh hidup mereka dalam dunia ini. Dalam bahasa Inggeris kepercayaan ini disebut 'animism', dalam kamus maknanya "penjiwaan benda-benda".

Menurut kepercayaan ini benda-benda alam sekitar manusia mempunyai semangat – seperti busut, tunggul, batu-batan, sungai dan tepi laut. Dan benda-benda seperti inilah yang menjadi tumpuan pemujaan mereka. Penjelmaan kepercayaan ini ke dalam kepercayaan kita tidak ketara sangat. Rupa dan corak asalnya tentulah tidak nampak lagi, tetapi masih wujud. Misalnya, masih ada di antara kita orang Melayu warganegara Singapura yang percaya pada bomoh.

(ke mukasurat 2...)

Kertas soalan ini mengandungi 5 soalan tercap pada 6 mukasurat.
Soalan yang akhir diikuti oleh perkataan SELESAI.

Sesungguhnya para bomoh, yang tidak banyak bilangannya di Republik ini, jarang-jarang benar menggunakan mentera dan jampi serapah serta sembur-menyembur, tetapi pada gagasannya mereka melaksanakan apa yang telah dilakukan oleh nenek-moyang kita 3500 tahun dahulu.

Dalam kesenian orang Melayu Warganegara Singapura kesan-kesan kebudayaan animism ini juga ada terdapat. Pada tarian kuda kepang, misalnya. Mula-mula pengarang 'Suara Islam', lidah rasmi Persekutuan Seruan Islam Singapura mengatakan tarian orang pagan dan tidaklah seharusnya digalakkan. Kemudian Mufti Singapura telah dengan rasminya memfatwakan tarian itu haram dan berdosa bagi orang Islam melakukan dan menontonnya.

Sesungguhnya, hanya sebahagian sahaja tarian itu haram, iaitu bahagian bila para pelakunya dirasuk semangat kuda. Kalau tidak, tarian itu samalah seperti tarian yang lain yang tidak diharamkan oleh Mufti. Pada saat para pelaku dirasuk semangat kuda – minum air berbaldi-baldi dan mereka nampaknya tidak merasa sakit bila dipukul kuat-kuat dengan cemeti.

Sewaktu dipersoalkan, ketua sebuah kumpulan tersebut menghujah-kan bahawa ia telah membacakan ayat-ayat tertentu dari kitab suci Al-Quran ke telinga para penari itu, kemudian baharulah semangat kuda itu masuk ke dalam diri para penari itu.

(300 perkataan)

Arahan: JAWAB MANA-MANA DUA DARIPADA SOALAN 2 HINGGA SOALAN 5.

Bacalah dengan teliti petikan di bawah ini.

Selain daripada menjadi dasar kepada Soalan 2, petikan ini digunakan juga sebagai panduan untuk menjawab soalan-soalan 3 dan 4.

Petikan:

Ketika kita dilahirkan, kita diibaratkan suci, sesuci kain yang putih dan bersih. Tetapi sayang, setiap manusia di muka bumi ini tidak sunyi dari melakukan kesalahan dan dosa, seperti kata orang 'bumi mana yang tidak ditimpa hujan'.

Menurut pendapat saya: ada baiknya kita membuat amal ibadat sepanjang kita menjalani hidup ini. Selagi kita hidup maka selagi itulah kita akan menghadapi seribu satu macam dugaan yang harus kita hadapi dengan penuh kesabaran. Hidup kita seperti air di laut, ada kalanya tenang dan ada kalanya berombak – ada kalanya senang tetapi ada kalanya bergelora akibat dugaan-dugaan atau masalah yang mesti kita atasi. Kita mestilah se-panjang masa bersabar.

Tidak dapat dinafikan bahawa kesabaran sangat diperlukan ketika kita menjalani hidup sehari-hari. Malah ada kata-kata yang mengatakan bahawa sabar itu pahit tetapi manis buahnya.

(ke mukasurat 3...)

Segala apa yang kita punyai semasa kita hidup, tidak seharusnya kita banggakan kerana itu semua akan kita tinggalkan sebaik sahaja riwayat hidup kita berakhir. Kita tidak perlu tamak dengan harta di dunia ini kerana hidup kita tidak akan kekal selama-lamanya. Dengan yang demikian, ada lebih baik, jika kita bersusah-payah sedikit untuk mencapai kesenangan di hari kemudian. Peganglah selalu pepatah orang tua-tua yang mengatakan 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'.

Buatlah pekerjaan yang mendatangkan faedah; jauhilah diri dari melakukan maksiat dan dosa, demi untuk mengecap kesenangan di hari kemudian. Janganlah mengingati Tuhan hanya bila kita menghadapi kesusahan dan kepa-hitan hidup sahaja. Jadilah orang yang bermoral tinggi. Marilah kita kejar lima perkara yang datangnya hanya sekali dalam hidup kita, iaitu: muda sebelum datangnya tua; sihat sebelum sakit; kaya sebelum miskin; kuat sebelum lemah dan hidup sebelum mati.

Kelima-lima perkara itu menyedarkan supaya kita berbuat baik selagi kita muda, sihat, kaya dan kuat. Jangan tunggu hingga tua, sakit, miskin dan lemah baharu beramal ibadat. Eloklah kita sediakan payung sebelum hujan. Berbuat baiklah kepada agama, orang tua kita, negara dan bangsa semasa kita masih hidup. Adalah baik jika kita tidak digelar oang 'seperti katak di bawah tempurung'.

SOALAN 2

(a) Setelah membaca dengan teliti petikan di atas itu, jawablah soalan-soalan yang berikut ini:-

- i. Apakah pekerjaan yang mendatangkan faedah yang disuruh kita lakukan semasa kita hidup?
- ii. Apakah peribahasa yang disuruh kita pegang untuk mencapai tujuan hidup kita?
- iii. Mengapakah hidup ini diumpamakan 'seperti air laut'?
- iv. Mengapakah kita ditegah daripada berbangga atas segala yang kita punyai?

(20 markah)

(b) Berdasarkan konteks petikan di atas, tukarkan tiap-tiap frasa berikut ini dengan sepatah perkataan sahaja yang tidak mengubah maksud frasa-frasa itu.

- i. seribu satu macam
- ii. sepanjang masa
- iii. tidak dapat dinafikan
- iv. riwayat hidup berakhir
- v. berbuat baiklah

(10 markah)

(ke mukasurat 4...)

SOALAN 3

- (a) Perkataan-perkataan yang bergarisbawah di bawah ini mempunyai lebih dari satu makna. Beri satu makna lain perkataan itu (makna yang bukan mengikut konteks petikan), kemudian buat ayat yang menunjukkan kelainan maknanya itu.

*contoh: satu macam
 makna lainnya: seperti
 ayatnya: Dia terlonjak-lonjak macam kera kena belacan.*

- i. tidak sunyi
- ii. faedah
- iii. mengecap

(15 markah)

- (b) Nyatakan erti peribahasa-peribahasa yang terpakai dalam petikan di atas tadi.

- i. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan.
- ii. Sediakan payung sebelum hujan.
- iii. Bagai katak di bawah tempurung.

(15 markah)

SOALAN 4

- (a) Terdapat kesalahan-kesalahan dalam ayat-ayat berikut ini, sama ada tentang pemilihan katanya, atau penggunaan imbuhan, ataupun tentang susunayatnya. Baiki kesalahan-kesalahan itu dan tuliskan ayat-ayat yang betul gramatikalnya.

- i. Setiap manusia di muka bumi ini tidak sunyi dari melakukan kesalahan dan dosa.
- ii. Ada baiknya kita membuat amal ibadat sepanjang kita menjalani hidup ini.
- iii. Kita mestilah sepanjang masa bersabar.
- iv. Perkara ini menyedarkan supaya kita berbuat baik selagi kita muda.

(ke mukasurat 5....)

(b) Dalam petikan tadi terdapat ketaulang parataksis seperti 'bersusah payah'. Berikanlah ulangan parataksis kepada perkataan yang bergaris bawah dalam ayat-ayat di bawah ini, kemudian buat ayat yang menggunakan parataksis itu.

- i. Kita diibaratkan suci, sesuci kain putih.
- ii. Kita tidak perlu tamak dengan harta di dunia ini.
- iii. Berjalah kepada negara semasa kita masih muda lagi.

(15 markah)

SOALAN 5

Bacalah dengan teliti petikan karangan di bawah ini, kemudian jawablah soalan-soalan berikutnya.

Petikan:

Syahadan, akan Pulau Kubin itu seorang pun tiada berani hampir singgah mengambil air mencari barang-barang takut akan jin terlalu keras di atas pulau itu. Jadi dinamai akan pulau itu Pulau Kubin. Maka pulau itulah diduduk oleh raja jin yang bernama Maharaja Nila Suba, besar amat kerajaannya. Ialah menghukumkan segala jin, peri, dewa, mambang yang duduk pada segala pulau-pulau jajahan itu, sangat gagah perkasanya, tetapi ia jin Islam, keras serta dengan wara'nya, berbuat ibadat kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Taala turun seekor jin dari mercu pulau itu hendak bermain-main ke tepi pantai. Maka dilihatnya seorang kanak-kanak hendak menaik pulau itu tiada didapat dengan sebab dhaif tubuhnya sangat letih kelakuannya serta dengan tangisnya. Maka kesihanlah jin itu melihatnya. Maka ia berfikir. "Dari mana gerangan datangnya kanak-kanak ini?" Maka dilihatnya segenap pantai kalau-kalau ada orang singgah. Tiada dipegari. Maka jin itu pun menghampiri Gusti Buana menzahirkan dirinya seraya bertanya, "Hai kanak-kanak, ke mana engkau hendak pergi? Dari mana engkau datang?" Maka terkejut Gusti Buana mendengar suara orang bertanya itu. Maka dilihatnya seorang terdiri. Dihampirinya. Maka ia berkata, "Beta hendak naik ke pulau ini mencari air beberapa harilah sudah beta tiada berjumpa makan. Beta ini dibuang orang ke sini. Beri apalah kiranya akan beta air."

Soalan:

- a) Terangkan makna perkataan/frasa di bawah ini menurut konteks petikan di atas:
 - i. terlalu keras
 - ii. wara'
 - iii. mercu
 - iv. dipegari
 - v. menzahirkan dirinya

(10 markah)

(ke mukasurat 6....)

- b) Dengan menggunakan kira-kira 120 patah perkataan, tulislah semula petikan karangan karangan klasik di atas itu dengan gaya dan bahasa dan prosa Melayu Modern.

(20 markah)

SELESAI

BAHASA MELAYU SA-BAGAI BAHASA KEDUA

Lampiran 2

KERTAS 2

Jawab SEMUA soalan di-dalam kertas ini.

Raja Lindol mempunyai sa-orang anak tunggal bernama Puteri Mara. Puteri di-raja ini sungguh jelita dan segala yang di-kehendaki-nya di-berikan oleh ayah-nya. Sejak kechil-nya dia telah di-asoh dan di-jaga sa-bagai menatang minyak yang penoh. Pakaian-nya di-datangkan dari negara2 yang jauh saperti Tiongkok dan India. Tiada suatu pun permintaannya walau sa-rumit mana sekali pun yang tiada di-penuhi oleh ayah-nya. Segala yang di-kata-nya telah di-kota-kan.

Sa-bagai balasan, Raja Lindol meminta satu sahaja daripada puteri-nya. Dia ingin melihat puteri-nya berkahwin dengan sa-orang putera ternama yang boleh memberikan segala kemewahan hidup. Malang-nya chinta itu tidak mengenal zaman dan tidak mengenal batasan di-raja. Pada suatu ketika sedang puteri itu bersiar2 di-tepi pantai, perhatian-nya telah tertarek kapada sa-orang pemuda yang sedang menarek jaring yang penoh berisi dengan berjenis2 ikan. Nelayan itu ia-lah Nadar. Orang-nya tampan dan baik hati dan kalau sekali pun kulit-nya agak hitam sadikit di-sebabkan oleh bakaran sinar sang surya, ketampanan-nya tetap kelihatan. Mereka berkenalan dan sungguh pun taraf hidup mereka jauh berbedza, namun pertemuan itu telah berakhir dengan tersemai-nya bibit asmara. Nadar bukan-lah sa-orang abdi atau buroh kasar sungguh pun dia memeras peloh untuk mendapatkan nafkah hidup.

Puteri Mara tahu bahawa sekira-nya hal itu di-cheritakan kapada ayah-nya sudah tentu baginda tidak akan membanarkan dia menjadi isteri sa-orang nelayan. Dia juga tahu andai-nya dia melanggar titah baginda dia akan di-halau dan tidak mungkin akan di-ampunkan lagi. Namun bagitu perasaan chinta telah menpengarohi jiwa-nya.

Pada suatu malam dia telah bertemu dengan kekaseh-nya itu. Sedang Raja Lindol beradu, dia telah melarikan diri dari istana untuk mengikuti Nadar. "Jangan tanya aku bagaimana mereka boleh melarikan diri. Istana itu di-kawal rapi oleh pengawal2 tetapi siapakah aku boleh menerangkan bagaimana dua orang yang berchinta dapat melarikan diri untuk mengechap nikmat bahagia. Aku hanya akan mengesahkan apa yang berlaku pada keesokan-nya". Ujar ketua pengawal istana itu.

Apabila Raja Lindol di-beritahu tentang apa yang belaku, istana itu telah bergegar dengan kemurkaan-nya. Kejadian itu telah juga menghampakan dada-nya.

SOALAN 1

Bacha petekan di-atas itu dengan teliti, kemudian jawab soalan2 di-bawah ini dengan menggunakan ayat2 kamu sendiri.

- (a) Mengapa-kah Puteri Mara di-asoh dan di-jaga sa-bagai menatang minyak yang penoh?

(b) Apa-kah harapan Raja Lindol berhubung dengan masa hadapan anak-nya itu?

(c) Apa-kah yang di-maksudkan oleh penulis dengan 'chinta itu tidak mengenal zaman dan tidak mengenal batasan di-raja'?

(d) Apa-kah bukti-nya bagi menunjukkan kebenaran kata2 penulis bahawa chinta itu tidak mengenal batasan di-raja?

(e) 'Puteri Mara menchintai Nadar kerana dia sa-orang nelayan'. Setuju-kah kamu dengan kenyataan itu? Beri sebab-nya.

(f) Berdasarkan penggunaan-nya dalam potongan karangan di-atas itu, berikan erti perkataan2 ini:

- i. bibit _____
- ii. abdi _____

(g) Terangkan maksud ungkapan2 ini:

- i. memeras peloh _____
- ii. menghampakan deda _____

(lihat sa-belah)

- (h) Tuliskan dua patah perkataan yang di-gunakan dalam potongan karangan itu yang sama erti-nya dengan dua patah perkataan di-bawah ini:
- i. kachak _____
 - ii. bergonchang _____
- (i) Terangkan perbedzaan erti perkataan2 di-bawah ini menurut penggunaan-nya dalam potongan karangan di-atas itu?
- ‘di-asoh’, ‘di-jaga’
- _____
- _____
- _____
- (j) Tuliskan ungkapan2 yang di-gunakan dalam potongan karangan itu yang memberi maksud di-bawa ini:
- i. apa yang di-janjikan telah pun di-tunaikan
- _____
- _____
- i. ikhlas dan selalu berniat baik
- _____
- _____

Ada beberapa kemungkinan mengapa Ben tidak hadir di-hadapan pehak yang berkuasa sa-telah melihat pembunuhan yang berlaku di-hadapan rumah-nya. Kemungkinan yang pertama ia-lah ia telah berdusta kepada isteri-nya tentang waktu ia sampai ka-rumah-nya. Ia telah memberitahu Choleng bahawa ia tiba di-rumah-nya kira2 tengah malam. Kalau sekarang ia sanggup menjadi saksi, Choleng akan bertanya bagaimana ia boleh melihat sa-suatu kejadian yang berlaku pada pukul lima pagi? sa-berapa boleh ia hendak mengelakkan pertanyaan saperti itu daripada isteri-nya. Yang kedua, ia enggan terlibat dalam sa-suatu perkara yang tiada kena-mengena dengan diri-nya. Ketiga, ia sangat takut kepada Sidro.

Ia bersyukur bahawa ia tidak di-lihat oleh Sidro pada masa ia tiba di-rumah-nya itu. Sa-benar-nya ia baharu sahaja pulang dari balai dansa di-luar bandar. Ia telah menghantar Clarita pulang. Clarita ia-lah sa-orang penari genit yang selalu berdansa dengan-nya.

Mengingati kembali kejadian itu, tergambar di-hadapan-nya sa-orang lelaki yang mempunyai tuboh badan yang sama dengan-nya berjalan di-hadapan-nya. Orang itu memakai baju biru yang betul2 sa-rupa dengan baju yang di-pakai-nya. Apabila orang itu sampai di-hadapan rumah-nya, sa-orang lagi telah keluar dengan tiba2 dari rumpun2 pokok di luar pagar rumah-nya. Tidak shak lagi orang itu memegang sa-jenis senjata bermata dua yang tajam dan bilah-nya berkelok2. Sa-belum orang yang berjalan di-hadapan-nya itu

(lihat sa-belah)

dapat berpaling, ia telah di-tikam dan rebah di-situ juga tidak bernyawa lagi.

Ben dengan pantas telah bersembunyi di-belakang pokok sena tidak jauh dari jalanraya itu. Si-pembunuh itu berlari ka-arrah tempat ia bersembunyi. Ia menggigil kerana ketakutan apabila orang itu tiba dekat dengan tempat ia bersembunyi.

Dari cahaya lampu di-tepi jalan itu, ia nampak terang muka Sidro. Sidro pernah menjadi lawan-nya dalam memikat hati Choleng. Bahkan Sidro merupakan kekaseh Choleng yang pertama. Tetapi Mila, ibu Choleng telah menolak mentah2 pinangan kekaseh-nya itu kerana ia sa-orang kutu embun.

SOALAN 2

Bacha petekan di-atas itu dengan teliti, kemudian jawab soalan2 di-bawah ini:

Lengkapkan tiap2 kenyataan di-bawah ini dengan perkataan, rangkaikata atau ayat yang betul. Tuliskan NOMBOR bagi perkataan, rangkaikata atau ayat yang betul di dalam () di-sabelah kanan.

- a) Ben sangat takut kapada Sidro sebab
1. Sidro sa-orang kutu embun
 2. Sidro sa-orang pembunuh.
 3. Ben telah merampas Choleng daripada bekas kekaseh-nya.
 4. Choleng maseh lagi menchintai Sidro. ()
- b) Sa-benar-nya si-pembunuh itu bertujuan hendak membunuh
1. Choleng.
 2. Mila.
 3. Clarita.
 4. Ben. ()
- c) Dalam pembunuhan itu senjata yang di-gunakan oleh si-pembunuh ia-lah
1. pisau belati.
 2. pedang.
 3. besi tajam.
 4. keris. ()
- d) Dalam kejadian pembunuhan itu, orang yang di-tikam itu telah mati
1. dalam perjalanan-nya ka-hospital
 2. sa-jurus sa-lepas si-pembunuh meninggalkan tempat itu.
 3. dengan serta merta.
 4. beberapa jam sa-lepas itu. ()
- e) Pembunuhan itu berlaku pada waktu
1. senja.
 2. tengah malam.
 3. malam.
 4. suboh. ()

(lihat sa-belah)

- f) Ben enggan tampil ka-hadapan untok menjadi saksi mungkin juga kerana ia khuatir isteri-nya akan mengetahui tentang
1. kaitan-nya dengan pembunuhan itu.
 2. hubongan-nya dengn Clarita.
 3. kebodohan-nya berdusta.
 4. ketakutan-nya menghadapi Sidro. ()
- g) Motif si-pembunuh dalam pembunuhan itu ia-lah untok
1. menunjokkan kegagahan-nya.
 2. menakut-nakutkan sahaja.
 3. membalas dendam.
 4. merompak. ()
- h) Penggunaan 'kutu embun' di-sini memberi pengertian
1. orang yang suka merayau2.
 2. orang yang suka bergaduh dan membunuh orang pada malam hari.
 3. orang yang suka menganggor dan berkelakuan burok.
 4. orang yang suka merayau2 dengan tidak menentu hingga jauh malam. ()
- i) Perkataan/rangkaikata
1. kena mengena
 2. kemungkinan
 3. betul2 sa-rupa
 4. terlibat
- yang di-gunakan dalam potongan karangan ini juga bererti 'pertalian' ()
- j) Perkataan 'mentah2' dalam rangkaikata 'menolak mentah2' memberi erti
1. dengan menghampakan.
 2. dengan tidak di-masak.
 3. dengan bagitu sahaja.
 4. dengan perasaan marah. ()

SOALAN 3

Isikan di-tempat2 kosong dalam potongan karangan di-bawah ini dengan perkataan2 sendiri.

Watak2 dalam sa-buah novel hendak-lah di-lukis mengikut suasana keliling-nya _____ termakan oleh akal. Novel 'Perang dan Damai' _____ Tolstoy yang melukiskan gambaran2 watak dari berbagai lapangan hidup telah meninggalkan beberapa kesan _____ fikiran kita. Sa-balek-nya penulis yang mengongkong watak2-nya _____ watak2 itu menjadi kaku tidak akan dapat menarek perhatian dan minat pembacha2. Mereka akan menjadi bodan _____ ini sangat-lah mengechewakan.

(lihat sa-belah)

SOALAN 4

Dalam tiap2 ayat di-bawah ini terdapat empat patah perkataan sa-iras. Hanya sa-patah sahaja daripada perkataan2 itu dapat di-gunakan mengikut konteks ayat itu. Pilih-lah perkataan yang tepat itu dan tuliskan NOMBOR-nya di-dalam () di-sabelah kanan.

- a) Kuli2 itu berjalan berbaris2 sambil (1) menating barang2 itu di atas
(2) mengangkat
(3) memikul
(4) mendukung
bahu mereka. ()
- b) Ibu sedang (1) memechit kelapa itu untok mengeluarkan santan-nya.
(2) meramas
(3) menekan
(4) memerah ()
- c) Jika di-jaga baik2 barang2 itu akan (1) kukoh bertahun2. ()
(2) tegoh
(3) tahan
(4) kuat
- d) Dia berasa (1) sedah kerana permohonan-nya mendapat pekerjaan itu
(2) pilu
(3) duka
(4) hampa
tidak di-pertimbangkan. ()
- e) Kamu tidak perlu berasa (1) takut apabila mendengar bunyi harimau
(2) kkuatir
(3) gentar
(4) chuak
mengaum.
- f) Kelakuan Hamid tempoh hari itu telah (1) membosankan hati bapa-nya.
(2) merunsingkan
(3) merisaukan
(4) merimaskan ()
- g) Kami sungguh berasa (1) pelek melihat bangunan yang bagitu
(2) kagum
(3) terperanjat
(4) hairan
tersergam dan indah.
- h) Mereka suka menchubit pipi adek saya kerana pipi-nya (1) sembab. ()
(2) gemok.
(3) bengkak.
(4) tembam.
- i) Ayer di-hulu sungai itu mengalir sangat (1) lekas. ()
(2) deras.
(3) pantas.
(4) chepat.

(lihat sa-belah)

- j) Orang tua jiran saya itu telah (1) membantai anak-nya dengan rotan
(2) memukul
(3) membelasah
(4) memalu
sa-hingga berdarah. ()

SOALAN 5

Dalam tiap2 ayat di-bawah ini ada di-beri empat patah perkataan berganda bagi melengkapkan ayat itu. Hanya sa-patah sahaja perkataan berganda itu yang betul. Pileh-lah perkataan berganda yang betul itu dan tuliskan NOMBOR-NYA di-dalam () di-sabelah kanan.

- a) Oleh kerana dia selalu (1) bergopoh-gapah
(2) berdolak-dalek
(3) berchampur-adok
(4) bergelak-ketawa
dalam perchakapan-nya, orangramai tidak dapat menerima-nya sa-bagai sa-orang pemimpin. ()
- b) Ibu meletakkan semua pinggan-mangkok yang di-beli-nya semalam di-atas
(1) kuda-kuda
(2) para-para ()
(3) kueh-kueh
(4) langit-langit
- c) Bibir orang tua itu (1) tinggi-rendah tetapi suara-nya tidak
(2) turun-naik
(3) gembar-gembor
(4) kumat-kamit
kedengaran. ()
- d) Bunyi (1) hirok-pikok suara orang ketawa telah memechahkan
(2) porak-peranda
(3) huru-hara
(4) kachau-bilau
kesunyian tempat itu. ()
- e) Gadis2 itu suka (1) berchampur-adok dengan pemuda2 berhidong
(2) belenggang-lenggok
(3) berdendam-berahi
(4) berchuit-gamit
belang dalam keramaian yang di-adakan di-rumah itu.

(lihat sa-belah)

SOALAN 6

Dalam potongan karangan di-bawah ini terdapat LIMA patah perkataan yang tidak diberi imbohan. Salin sa-mula potongan karangan itu dan tuliskan imbohan2 yang sesuai pada perkataan2 itu.

Anak muda itu terasa benar nikmat-nya ada di-rumah yang bagitu tersergam besarnya. Dia merasai segala lega di-tempat itu. Hembus angin yang berseh aman fikiran-nya. Angan2 untok tinggal di-rumah itu mulai timbul di-kepala-nya. Tetapi terchapai-kah chita2-nya untok membeli sa-buah rumah sa-indah itu dengan dapat-nya yang sederhana itu.

SOALAN 7

Tiga daripada ayat2 dalam tiap2 soalan di-bawah ini mempunyai beberapa kesalahan sama ada dari segi nahu, penggunaan perkataan, ungkapan atau susunan ayat. Hanya satu sahaja yang betul. Pileh-lah yang betul dan tuliskan NOMBOR-nya dalam () di-sabelah kanan.

- a) (1) Jika saudara terlalu sangat memileh, saudara mungkin terkena buku buloh.
(2) Jika saudara terlalu sangat memileh, saudara mungkin terkena tempias.
(3) Jika saudara terlalu sangat memileh, saudara mungkin terkena tali barut.
(4) Jika saudara terlalu sangat memileh, saudara mungkin terkena batang hidong sendiri.

()

- b) (1) Kehadiran orang dagang dalam meshuarat yang sentiasa berjalan dengan terator itu sangat-lah di-perlukan.
(2) Kehadiran orang tengah dalam meshuarat yang sentiasa berjalan dengan terator itu sangat-lah di-perlukan.
(3) Kehadiran orang lama dalam meshuarat yang sentiasa berjalan dengan terator itu sangat-lah di-perlukan.
(4) Kehadiran orang baharu dalam meshuarat yang sentiasa berjalan dengan terator itu sangat-lah di-perlukan.

()

(lihat sa-belah)

- c) (1) Pemburu2 itu telah berjumpa dengan sa-buah dangau, tempat kediaman orang2 asli di-tempat itu.
(2) Pemburu2 itu telah berjumpa dengan sa-buah bangsal, tempat kediaman orang2 asli di-tempat itu.
(3) Pemburu2 itu telah berjumpa dengan sa-buah tan, tempat kediaman orang2 asli di-tempat itu.
(4) Pemburu2 itu telah berjumpa dengan sa-buah ran, tempat kediaman orang2 asli di-tempat itu.

()

- d) (1) Menudoh mereka melakukan perbuatan itu tanpa usul pereksa merupakan suatu tindakan yang salah.
(2) Tudohan mereka melakukan perbuatan itu tanpa usul pereksa merupakan suatu tindakan yang salah.
(3) Penudohan mereka melakukan perbuatan itu tanpa usul pereksa merupakan suatu tindakan yang salah.
(4) Tertudoh-nya mereka melakukan perbuatan itu tanpa usul pereksa merupakan suatu tindakan yang salah.

()

- e) (1) Kitab yang saudara kirimkan kepada saya beberapa hari dahulu telah tertulis dekat tahun 1923.
(2) Kitab yang saudara kirimkan kepada saya esok telah di-tulis dalam tahun tahun 1923.
(3) Kitab yang saudara kirimkan kepada saya tempoh hari dahulu telah tertulis pada tahun 1923.
(4) Kitab yang saudara kirimkan kepada saya minggu hadapan telah di-tulis pada tahun 1923.

()

Panduan bagi guru2 mengajar Bahasa Melayu B

Kertas 2

1. **Memahamkan Karangan**
2. **Merengkaskan Karangan**
3. **Kertas soalan bagi peperiksaan sekolah**
4. **Peribahasa**
5. **Istilah2 Teknikal**

Murid2 jangan-lah di-suroh menghafal istilah2 teknikal berhubung dengan pelajaran sa-suatu aspek tatabahasa.

Guru2 tidak-lah perlu, mithal-nya, mengajar murid2 bahawa 'rama2' dan 'anai2' itu ia-lah kataulang2 semu. Memadai-lah bagi murid2 mengetahui bahawa perkataan2 itu merupakan kataulang2 saja.

6. Di-bawah ini di-senaraikan tajok2 berhubung dengan pengajaran Tatabahasa mengikut perengkat2-nya. Guru2 hendak-lah menggunakan kebijaksanaan masing2 menyusun semula tajok2 itu dan menggunakan bahan2 yang di-fikirkan sesuai dan sa-jajar dengan kebolehan, kemam-puan murid2 di-bawah jagaan mereka. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Bagi Sekolah2 Menengah hendak-lah di-gunakan sebagai bahan rujukan.

6.1. Menengah I : Perkara2 yang harus di-ajar:

6.1.1. Jeniskata2

Murid2 hendak-lah di-ajar perkataan2 berhubung dengan jeniskata2 melalui penggunaan-nya dalam ayat2.

6.1.2. Penjodoh Bilangan

Murid2 harus-lah di-lateh menggunakan penjodoh2 bilangan itu melalui ayat2.

6.1.3. Susunayat (sintaksis)

Guru2 hendak-lah memberi latehan2 yang chukup kapada murid2 bagi membiasakan mereka dengan susunayat Bahasa Melayu. Murid2 tidak-lah perlu di-ajar kaedah mengnalisa ayat2 itu.

6.1.4. Chakapasal dan Chakapindah

Latehan2 yang mudah2 bagi menukar2kan chakapasal ka-chakapindah dan sa-balek-nya boleh di-sediakan.

6.1.5. Ragamayat

Murid2 boleh-lah di-ajar mengenalkan ragamayat2 dengan memberi latehan2 yang chukup dengan membuat ayat2 yang beragam2 itu.

6.1.6. Sendinama2

Guru2 hendak-lah membiasakan murid2 menggunakan sendinama2 dalam ayat2 dengan memberi latehan2 yang chukup.

6.1.7. Imbohan

Murid2 hendak-lah di-beri latehan yang chukup tentang peng-gunaan imbohan2 di-bawah ini melalui ayat2. Fungsi atau kuasa imbohan2 tersebut tidak-lah perlu di-ajar.

6.1.7.1. Awalan : ber, ter, di-, ke, pe, sa-

Akhiran : an, i, kan, -lah, -kah, -tah

6.2. Menengah II : Perkara2 yang harus di-ajar

6.2.1. Jenisayat2

Murid2 hendak-lah di-lateh membuat berjenis2 ayat. Latehan2 bagi memanjang atau meringkaskan ayat2 itu hendak-lah di-sesuaikan dengan kebolehan dan kemampuan murid2.

6.2.2. Katasendi2

Penggunaan katasendi2 hendak-lah di-ajar melalui ayat2.

6.2.3. Jenis2 Kataperbuatan

Murid2 boleh-lah di-lateh membuat ayat2 dengan menggunakan jenis2 kataperbuatan.

6.2.4. Imbohan2

Latehan penggunaan imbohan2 melalui ayat2 hendak-lah di-teruskan.

6.2.5. Kataulang (Perkataan Berganda)

Guru2 hendak-lah mengajar murid2 maana dan penggunaan kataulang2 itu dalam ayat2. Penjenisan kataulang2 tidak-lah perlu di-ajar.

6.2.6. Perkataan sa-erti, sa-iras dan berlawan

Perkataan2 ini hendak-lah di-ajar melalui ayat2 atau potongan karangan. Latehan2 saperti membuat ayat2 atau membedzakan erti perkataan2 itu boleh-lah di-jalankan.

6.3. Menengah III dan IV : Perkara2 yang harus di-ajari:

Di-perengkat ini, guru2 hendak-lah memberatkan pelajaran2 Karangan dan Memahami Karangan. Murid2 harus-lah di-beri latehan2 yang chukup untuk membuat ayat2 yang berjenis2, ter-ator dan bernas. Guru2 boleh-lah membinchangkan dan menunjokkan kepada murid2 kesalahan2 yang biasa mereka lakukan. Latehan2 lanjutan bagi meluaskan bilangankata murid2 hendak-lah di-jalankan. Murid2 hendak-lah di-ajar tentang erti dan maksud perkataan2 rangkaikata2 serta ungkapan2 dan perbedzaan maksud perkataan2 tangkaikata2 serta ungkapan2 tersebut.

Pelajaran2 tatabahasa yang di-ajar di-Menengah I dan II boleh-lah di-teruskan. Sa-berapa yang boleh, pelajaran2 ini hendak-lah di-jalankan schara tidak langsung.

RUMUSAN BENGKEL-BENGKEL MENGENAI KERTASKERJA 5:

“PENGAJARAN TATABAHASA”

Oleh: Cik Abdullah Haji Abdul Hadi

1. Latihan-latihan yang sesuai:

1.1. Walaupun kertas panduan untuk perbincangan menekankan betapa pentingnya suatu perbincangan mengenai bentuk-bentuk latihan yang perlu diadakan, namun bengkel-bengkel sebenarnya tidaklah membincangkan dalam ertikata yang sebenar oleh sebab tidak timbul soal pro dan kontra mahupun alasan-alasan yang dibahaskan untuk menyokong satu-satu latihan itu supaya diadakan. Oleh itu bahagian ini hanyalah memuatkan apa-apa latihan yang telah dikemukakan dalam bengkel-bengkel.

Bengkel-bengkel yang membicarakan bahagian ini umumnya bersetuju dengan penulis kertaskerja agar beberapa fungsi dari berbagai aspek jalanbahasa (tatabahasa) itu tidak ditekankan dalam pengajaran bahasa. Sebaliknya, guru-guru hendaklah memikirkan latihan-latihan yang berkaitan dengan ‘functional grammar’ secara praktikal dan berkesan. Secara khusus, latihan-latihan yang dicadangkan itu dapat dikelaskan kepada dua bahagian, pertama, mengenai perkataan-perkataan dan kedua mengenai ayat-ayat. Berhubung dengan latihan-latihan untuk memenuhi matlamat pertama, para peserta bengkel mencadangkan latihan-latihan yang berikut:-

- 1.1.1. Berikan katadasar, suruh murid-murid mengimbuhkannya dengan awalan, akhiran dan sisipan,
- 1.1.2. menulis senarai perkataan-perkataan Melayu yang telah diasimilasikan dari perkataan-perkataan Inggeris mengikut ejaan Melayu yang standard,
- 1.1.3. mengeluarkan (menyungkil) katadasar yang telah diimbuhkan dari potongan—potongan cerita (buku) dan potongan memahamkan karangan,
- 1.1.4. beri potongan karangan pendek, dan murid-murid diminta supaya mengisikan imbuhan-imbuhan pada perkataan-perkataan yang sesuai (yang dikosongkan bahagian imbuhan).

Mengenai latihan-latihan dalam bentuk ayat pula, bengkel telah mengutarakan kaedah-kaedah yang berikut: -

- 1.1.5. beri ayat-ayat yang berimbunan salah (dengan membawakan erti yang berlainan) dan murid-murid dimintak membetulkan,
- 1.1.6. membuat ayat-ayat yang dibina oleh murid-murid dan membetulkan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam ayat-ayat ini,
- 1.1.7. mengadakan emphasis 'functional grammar' dalam pelajaran karangan dan memahamkan karangan,
- 1.1.8. memetik kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam buku karangan murid murid dan membincangkannya di kelas.
- 1.1.9. mengadakan soalan berbilang pilihan mengenai ayat-ayat yang betul dan ayat-ayat yang salah,
- 1.1.10. meminta murid-murid membina ayat-ayat yang betul dari perkataan perkataan yang guru berikan (dimulakan dengan perkataan-perkataan tanpa imbunan, kemudian dilanjutkan dengan perkataan-perkataan yang berimbunan).

1.2. Untuk memenuhi matlamat diatas ada beberapa langkah yang di-cadangkan oleh bengkel untuk dilaksanakan di luar darjah:-

- 1.2.1. Guru-guru hendaklah menggunakan bahasa yang standard semasa berbual-bual dengan murid, sekalipun secara informal
- 1.2.2. Menggalakkan murid-murid BM2 mengambil bahagian dalam projek-projek yang dilancarkan oleh persatuan-persatuan bahasa,
- 1.2.3. Menggalakkan murid-murid yang mahir dalam Bahasa Melayu supaya mengadakan perhubungan dengan murid-murid yang lemah BM2nya
- 1.2.4. Menjadikan BM2 sebagai matapelajaran yang wajib untuk lulus dalam peperiksaan.

2. Kaedah-kaedah perbaikan (lisan dan tulisan) yang sesuai

- 2.1. Nampaknya bengkel telah membincangkan beranika jenis perbaikan tatabahasa samaada yang dibuat di dalam dan di luar darjah. Kelemahan-kelemahan murid mengenai tatabahasa mereka boleh diperbaiki dengan cara-cara yang berikut:-

- 2.1.1. membuat teguran-teguran yang ringkas dan tepat pada buku-buku latihan murid-murid untuk mengelakkan kekeliruan mereka
 - 2.1.2. membetulkan tatabahasa yang salah untuk perbualan murid (di dalam dan di luar darjah)
 - 2.1.3. menggalakkan murid-murid supaya menggunakan imbuhan-imbuhan yang betul bukan saja dalam kerja-kerja bertulis, malahan dalam perbualan juga.
 - 2.1.4. Jangan menggalakkan murid-murid membaca buku-buku yang rosak bahasanya (seperti komik dan lain-lain)
 - 2.1.5. Meminta murid-murid membuat ucapan ringkas dalam klas. Guru mencatat kesalahan-kesalahan yang terdapat dan membaikinya di akhir ucapan.
- 2.2. Untuk menjadikan usaha-usaha perbaikan itu lebih berkesan, guru-guru hendaklah membetulkan kesalahan secepat yang mungkin, semasa penggunaan tatabahasa yang salah itu masih dalam ingatan murid-murid. Dalam hal ini penggunaan berbagai alat pandang dengar, terutama sekali papan hijau, amat diperlukan sekali.
3. Penyaluran pelajaran tatabahasa dengan lain-lain pelajaran bahasa

Aspek ini merupakan aspek yang paling dangkal sekali dibicarakan. Ini disebabkan oleh pandangan peserta-peserta bengkel bahawa karangan dan surat kiriman merupakan pelajaran yang berkaitan dengan pengajaran tatabahasa (Tawarikh dan Ilmu Alam tidak disentuh langsung). Jadi, penyaluran yang telah diperlihatkan hanyalah dengan mengumpulkan kesalahan-kesalahan yang telah terdapat dalam karangan dan surat kiriman latihan murid itu dan diperbaiki dalam pelajaran tatabahasa atau karangan/surat kiriman sendiri. Hal ini patut dijalankan oleh guru menurut apa yang mereka fikirkan sesuai.

4. Pengajaran imbuhan yang praktikal di dalam dan di luar darjah

4.1. Di dalam darjah:

- 4.1.1. mengisikan imbuhan-imbuhan pada tempat-tempat yang tertentu untuk perkataan-perkataan yang diberikan oleh guru
- 4.1.2. membaiki imbuhan yang disalahgunakan dalam ayat
- 4.1.3. menandakan imbuhan-imbuhan dalam potongan-potongan karangan.

4.1.4. menyuruh murid menambahkan imbuhan-imbuhan pada katadasar. Untuk menghasilkan pemahaman yang berkesan (sekurang-kurangnya dari segi penggunaannya), latihan-latihan yang banyak perlu sekali diadakan oleh guru dalam masa mengajar.

4.2. Di luar darjah:

4.2.1. Perhatian hendaklah diberikan dalam penggunaan imbuhan dalam aktiviti persatuan dengan guru mencatat kesilapan penggunaan imbuhan dalam ceramah, syarahan dan bahasa untuk dibaiki pada masa guru diminta memberikan ulasannya di akhir peraduan.

4.2.2. Guru-guru hendaklah menggalakkan murid-murid supaya menggunakan imbuhan dalam perbualan mereka.

4.2.3. Galakkan murid-murid yang bertutur dengan BM2 di rumah supaya menggunakan imbuhan dalam pertuturan sehari-hari.

Untuk memastikan bahawa guru-guru dapat memainkan peranan yang positif dari segi pengluasan penggunaan imbuhan yang betul, guru-guru hendaklah sentiasa mengdaignoskan kesalahan-kesalahan penggunaan imbuhan murid-murid dan merencanakan cara-cara pembetulan berdasarkan pada daignosisnya.